



AT-TAQWA


Diterbitkan Oleh: JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

التقوى



MS ISO 9002: 1994
MAMPU
No. Pendaftaran:
PA 0228

BIL: 3 Rejab 1424 Hijri - SEPTEMBER 2003 - BULETIN JABATAN MUFTI SELANGOR DARUL EHSAN



در فقد ابر هريره سبدا جتجوثن
الله عليه وسلم:
لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
وَمَسْجِدِي هَذَا وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى.

مقصود:

تيدق دكالككن مغمبارا ملينكن كغد تيك بواه مسجد يآيت
المسجد الحرام، مسجدكو (مسجد مدينة) دان المسجد الاقصى
(دييت المقدس).

Pembuka Kata.....



Sahibus Samahah

Tuan Haji Abdul Majid Bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وصحبه أجمعين.

Allah Subhanahu Wataala menegaskan bahawa Islam adalah satu cara hidup yang lengkap dan sempurna, yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia samaada dari segi rohani dan jasmani. Agama Islam terdiri daripada gabungan aqidah, syariah dan akhlak yang menjadi tunjang dan asas manusia untuk mengatur urusan kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu, mereka yang menganutinya sudah sepatutnya menjadi umat yang unggul dan berjaya dalam hidup. Mereka juga mesti dapat menunjukkan bahawa Islam itu adalah satu agama yang agung, indah dan sempurna yang boleh membawa keagungan dan kecemerlangan kepada mereka yang memahami dan mengamalkannya.

**"SEMOGA MENDAPAT KEREDHAAN
ALLAH SWT"**

Kandungan...

Pembuka Kata Timbalan Mufti & Sidang Redaksi	2	Berita Bergambar / Aktiviti JMS	10 & 11
Berita Perkembangan Jabatan Mufti Negeri Selangor	3	Soal Jawab Agama Mengenai Isu-Isu Semasa	12 & 13
Mengenali Golongan Tekno Da'ie	4 & 5	Kisah & Tauladan (Amanah Jangan Dikhianati)	14
Fenomena Istiwa' Utama Matahari di Ka'bah	6 & 7	Carta Jawatankuasa FATWA 2003-2005	15
Tokoh Dalam Kenangan	8	Peranan Bapa ke Arah Melahirkan Generasi Rabbani	16 & 17
Penulis Jemputan: Menghayati Keindahan Islam Oleh Tuan Hj. Othman Bin Hamzah	9	Pengklonan Dari Sudut Syarak	18 & 19
		Sajak & Iklan Pusat Zakat Selangor	20



SIDANG REDAKSI

Penaung

S.S Dato' Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid
Dato Seri Utama DiRaja
Mufti Negeri Selangor

Penasihat

Tuan Haji Abdul Majid bin Omar
Timbalan Mufti Selangor

Ketua Pengarang

Zainal Abidin Bin Sulaiman
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27

Penulis Jemputan

Tuan Haji Othman Bin Hamzah Al-Muqri
Imam Besar Masjid Negeri Selangor

Sidang Pengarang

Ustaz Hj. Zainal Abidin bin Hj. Kusmin
Ustaz Mohd Nabil Bin Dato' Hj. Abu Naim
Ustaz Nurhelmi bin Ikhsan
Ustaz Rizal bin Ramli

Pembantu Pengarang

Encik Mohd Azmi Bin Abdul Manan
Ustaz Abdul Latip bin Ibrahim
Hj. Abd Hamid Bin Arasat
Ustaz Hairul Anuar Bin Samingan
Cik Habibah Bt. Mohd Hussin
Ustazah Norzila Bt. Mohd Nor

Jurufoto

Ustaz Norhafiz Bin Mohamad Husin

Jurutaip

Ustazah Haslina Bt. Mohamad Yusak
Puan Nurwashifah Bt. Radzuan
Cik Siti Maswari Bt Daem

Pengedar

Puan Hajjah Arbaayah Bt. Bahari
Encik Khalid Bin Abd Hamid
Haji Zasali Bin Mohd Yunus
Encik Ali Bin Abd Hamid
Encik Amiruddin Bin Hamzah

Penerbit

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 4, Podium Selatan,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40676 Shah Alam
Tel: 03-5510 6589, 5511 2793, 5544 7521/22/23/24
Fax: 03-5519 7584
E-mail: mufti_sel@selangor.gov.my.
Laman web: www.selangor.gov.my/mufti/

PERKEMBANGAN KAKITANGAN JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Pada bulan Mac/April 2003, 2 orang kakitangan Jabatan Mufti Selangor telah bertukar. Mereka ialah:-

Nama Pegawai/Jawatan	Bertukar ke	Tarikh	Catitan
1. En. Md. Saat bin Md. Lazim Penolong Pegawai Tadbir (N 32)	Kem. Perumahan dan Kerajaan Tempatan	31-3-2003	Kenaikan Pangkat
2. Tn. Hj. Jasimin bin Juraimi Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (Gred N17)	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor	16-4-2003	Arahan Bertukar

Pada bulan Julai/Ogos 2003, Jabatan Mufti Selangor juga telah menerima kakitangan baru yang dilantik secara tetap kerana penambahan jawatan. Nama Pegawai adalah seperti berikut:-

Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh	Catitan
1. En. Rizal bin Ramli	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	1-7-2003	Bhg. Falak Syarie
2. En. Hairul Anuar bin Samingan	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	1-7-2003	Bhg. Falak Syarie
3. Cik Norzila bt. Mohd Nor	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27	1-7-2003	Bhg. Istinbat
4. En. Abdul Latip bin Ibrahim	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	1-8-2003	Bhg. Falak Syarie
5. Cik Siti Maswari bt. Daem	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17	1-8-2003	Bhg. Istinbat

Nama Pegawai yang diarah bertukar adalah seperti berikut:-

Nama Pegawai/Jawatan	Dari Jabatan/Kem.	Tarikh	Ditempatkan
1. Pn. Arbaayah bt. Bahari Pembantu Tadbir(K) Gred N22	Pejabat Daerah Petaling	16-4-2003	Pembantu Khas Dato' Mufti Selangor
2. Ust. Zainal Abidin bin Sulaiman Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41	Jabatan Agama Islam Selangor	01-7-2003	Ketua Bahagian Istinbat
3. En. Mohd Azmi bin Abd. Manan Penolong Peg. Tadbir Gred N32	Jemaah Nazir Sekolah Kem. Pendidikan M'sia	01-7-2003	Ketua Bhg. Pentad. & Kew.



*Dalam kenangan...
Warga kerja Jabatan Mufti Selangor
bergambar bersama-sama kakitangan
yang bertukar iaitu En. Md Saad b.
Md. Lazim, Hj. Mohd Jasimin,
Pn. Zaziaton bt. Kasim dan
Cik Salamiah bt. Hj. Adol
pada 23/4/2003.*

MENGENAI GOLONGAN *Tekno-Da'ei*

Oleh:

En. Mohammad Nabil b. Hj. Abu Naim
Bahagian Sumber Maklumat

Pengenalan....

Teknologi maklumat dan komunikasi, yang lazimnya diringkaskan sebagai ICT merupakan satu teknologi yang telah merubah cara manusia menjalankan kehidupan sehari-hari. Hakikatnya, teknologi yang dianggap moden ini telah mempercepatkan perhubungan sesama manusia di samping mempertingkatkan kecekapan pemprosesan dan penyimpanan data serta penghantaran maklumat. Dengan perkataan lain, di dalam era yang dimungkinkan oleh ICT ini, sempadan geografi, jarak fizikal dan perbezaan masa telah diruntuhkan oleh perkembangan pesat ICT sehingga terbentuk satu dunia global.

Teknologi yang dikenali sebagai ICT ini sebenarnya adalah rangkuman dua komponen teknologi iaitu "teknologi maklumat" dan "teknologi komunikasi". Teknologi maklumat merujuk kepada "kaedah untuk menyimpan, memproses dan menganalisis data sehingga menjadi maklumat yang berguna". Sementara itu teknologi komunikasi boleh ditakrif sebagai "kaedah untuk menyampaikan data dan maklumat dari seseorang kepada seseorang yang lain dan dari satu tempat ke satu tempat yang lain".

Dari segi takrif, "tekno-da'ei" ialah golongan pendakwah yang menggunakan teknologi untuk menjalankan kerja-kerja dakwah bagi menyeru manusia ke jalan Allah s.w.t. dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Dalam konteks ini, fokus diberikan kepada ICT, namun perlu difahami bahawa teknologi yang digunakan oleh tekno-da'ei tidak sepatutnya dihadkan semata-mata kepada ICT. Sebaliknya apa jua teknologi yang

boleh dimanfaatkan oleh para pendakwah perlu digunakan demi kepentingan dakwah Islamiah itu sendiri.

Faedah pertama yang boleh diperolehi oleh golongan pendakwah yang menggunakan ICT ialah kemudahan mendapatkan maklumat. Untuk berdakwah, adalah penting bagi pendakwah untuk mempunyai maklumat dan pengetahuan yang cukup tentang isu-isu semasa dan perkembangan-perkembangan terkini. Dalam era ICT hari ini, kesemua maklumat ini berada diujung jari dan boleh diperolehi dengan pantas dan mudah hanya dengan menggunakan Internet dan komputer. Justeru itu, golongan tekno-da'ei perlulah membiasakan diri untuk mengikuti perkembangan semasa di peringkat bahan dan sumber maklumat seperti Internet dan multimedia untuk memperjelaskan persembahan dan pembentangan di masjid-masjid, surau-surau dan majlis agama. Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dan bermanfaat.

Di samping itu, penyediaan bilik komputer di masjid dengan kemudahan Internet dan multimedia mampu menjadi satu alternatif kepada kafe-kafe siber yang seringkali dikaitkan dengan masalah sosial. Ini secara tidak langsung akan menarik golongan muda untuk mengimarahkan masjid dan surau.

Untuk terus memanfaatkan ICT lagi, para tekno-da'ei juga boleh mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk multimedia. Hari ini kita boleh mendapati banyak tafsir al-Quran, al-Hadith, kitab-kitab fiqh dan sebagainya yang dibuat dalam bentuk multimedia.

Terdapat beberapa kelebihan yang diperoleh dengan menggunakan cara ini. Antaranya ialah tidak memerlukan ruang yang besar bagi tujuan penyimpanan bahan-bahan multimedia ini yang terdiri daripada CD-ROM, berbanding dengan bahan cetak yang memerlukan ruang besar untuk tujuan menyimpan. Seterusnya, bahan-bahan multimedia ini memudahkan pergerakan tekno-da'ei kerana ia tidak berat. Kandungan kitab-kitab dalam bentuk multimedia juga dibuat dalam bentuk yang lebih menarik dan interaktif.

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak amat mengemari animasi dan kartun. Dengan perkembangan ICT yang ada hari ini, animasi yang dilakukan menjadi semakin canggih. Sudah sampai masanya golongan tekno-da'ei ini, menggunakan animasi dan kartun untuk menghampiri golongan kanak-kanak. Kanak-kanak dapat memahami dan mengikuti serta mengingat apa yang ditontonnya dengan mudah. Secara tidak langsung golongan tekno-da'ei ini akan lebih mudah untuk mendampingi generasi muda hari ini.

Mungkin akan ada yang beranggapan bahawa tekno-da'ei ini adalah individu yang mempunyai pengetahuan agama disamping pengetahuan tentang teknologi. Ia tidak semestinya demikian. Golongan tekno-da'ei dalam konteks abad ke-21 ini berkemungkinan besar merupakan satu kumpulan individu yang mempunyai kepakaran mereka yang tersendiri. Di dalam kumpulan tersebut, terdapat seorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang agama yang akan menjadi orang dihadapan tabir menyampaikan mesej "amar ma'ru nahi munkar". Beliau akan disokong oleh beberapa individu lain dibelakang tabir yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang teknologi yang akan menyediakan bahan dakwah

dalam bentuk yang inovatif, interaktif dan menarik untuk disampaikan kepada orang ramai menggunakan teknologi terkini. Dalam perkataan lain, golongan tekno-da'ei ini sebenarnya adalah sekumpulan individu yang mempunyai latar belakang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang satu iaitu ingin menegakkan syiar dan Syariat Islam yang mengajak manusia ke jalan kebenaran.

Tidak dinafikan bahawa pendekatan dakwah konvensional dan tradisional adalah penting. Walaubagaimanapun, perlu diwujudkan satu golongan pendakwah yang mampu menggunakan ICT bagi tujuan murni ini. Ini kerana, rata-rata generasi hari ini adalah generasi celik ICT. Untuk menghampiri mereka, perlulah digunakan pendekatan yang terkini dan moden. Justeru itu, perlu ada satu golongan tekno-da'ei yang tahu menggunakan ICT untuk berdakwah. Mereka ini tidak semestinya pakar menggunakan ICT tetapi memadai berkeupayaan untuk memanfaatkannya untuk menjalankan tugas amar ma'ru nahi munkar. Apa yang jelas ialah teknologi, khususnya ICT, boleh membantu golongan pendakwah untuk menjalankan tugas dakwah dengan lebih mudah dan berkesan.

Mutiara Kata

*Hai anakku!
Apabila perut penuh, nescaya
tidurlah fikiran, bisulah ilmu hikmah
dan duduklah (malas) anggota
tubuh daripada beribadah.
- Ahli hikmah -*

Fenomena Istiwa Utama Matahari Di Kaabah

Peluang Menyemak Arah Qiblat


Oleh:

Haji Zainal Abidin bin Kusmin
Bahagian Falak Syarie

Ketika menunaikan solat, antara syarat sah solat ialah menghadap ke arah qiblat. Kemahiran dalam menentukan arah qiblat ini perlu dipelajari secara praktikal agar arah qiblat yang dihalakan benar-benar tepat atau sekurang-kurangnya hampir tepat. Perlu kita sedari bahawa sekiranya hala arah qiblat yang kita hadapkan tidak menepati 1° maka sebenarnya kita telah terpesong lebih kurang 126 kilometer dari kaabah. Oleh kerana kesilapan yang kita lakukan boleh menentukan antara sah dan tidak sah solat maka memahami dan mempelajari kaedah menentukan arah qiblat menjadi tuntutan setiap orang Islam yang ingin menunaikan solat.

Terdapat berbagai cara dalam menentukan arah qiblat atau dengan menyemak semula menggunakan kaedah istiwa matahari. Istiwa ialah apabila matahari berada tepat diatas kaabah yang dikenali sebagai istiwa a'dzam yang boleh dijadikan rujukan dan semakan bagi negara yang mengalami waktu siang.

Istiwa utama (istiwa a'dzam) adalah satu keadaan di mana matahari akan berada tepat di titik zenith (ghayah) ketika istiwa. Peristiwa ini akan berlaku dua kali dalam setahun iaitu apabila nilai sudut istiwa matahari bersamaan dengan nilai latitud tempatan.




Rajah 1:
Fenomena istiwa matahari di Kaabah

Fenomena ini berlaku bagi negeri-negeri yang nilai latitudnya kurang daripada nilai sudut istiwa maksimum matahari sebanyak 23.5° . Berdasarkan keadaan ini, matahari akan mengalami istiwa utama dengan Kaabah dua kali dalam setahun. Fenomena ini boleh dimanfaatkan untuk menyemak dan menentukan arah kiblat dari tempat-tempat lain di muka bumi.

Menurut hisab, peristiwa istiwa matahari di atas Kaabah akan berlaku setiap tahun pada **28 Mei pukul 5.16 petang waktu Malaysia** dan sekali lagi pada **16 Julai pukul 5.28 petang**. Pada tahun-tahun lompat waktu berkenaan awal 1 minit.

Ikutilah panduan berikut untuk menentukan arah kiblat dari tempat anda pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas:

- Pacakkan satu tiang di kawasan yang hendak di semak arah kiblatnya.
- Pastikan tiang tersebut tegak dan lurus. Anda boleh menyemak ketegakannya dengan menggunakan sebarang pemberat yang diikat di hujung tiang berkenaan.
- Tempat yang anda pilih untuk tujuan ini hendaklah tidak terlindung dari sinaran matahari.



Rajah 2:
Cara menyemak tiang supaya tegak dan lurus

Tepat masanya pada 28 Mei jam 5.16 petang atau 16 Julai jam 5.28 petang, bayang yang ditunjukkan oleh tiang tegak berkenaan, adalah bersamaan dengan arah kiblat. Oleh kerana matahari berada di langit barat, bayang tiang akan jatuh ke arah timur, maka arah kiblat ialah arah yang bertentangan. Selain dari tiang yang anda pacakkan, anda juga boleh menggunakan tiang-tiang bendera, tiang-tiang lampu atau sisi-sisi rumah yang tegak untuk menyemak arah kiblat ketika itu.



Masjid ini telah dibuat semakan semula arah kiblatnya melalui kaedah Istiwa' Utama Matahari di Ka'bah pada 16 Julai 2003 didapati tidak tepat.

Arah kiblat yang telah dibuat semakan semula dimana kedudukan tikar sembahyang berwarna merah telah menunjukkan arah kiblat yang sebenarnya. Pengesahan telah dibuat oleh Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Selangor pada 21 Julai 2003



Penentuan Arah Qiblat yang Telah Dibuat Oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (2002-2003)

1. Surau Institut Perakuan Negara (IPN) Sungai Lang, Sabak Bernam
2. Surau Kem Bina Negara Sg. Pelek Sepang.
3. Surau Balai Polis Hulu Kelang AU 2, Ampang Hulu Kelang.
4. Surau Balai Century Square & Enterprise, Cyberjaya.
5. Surau Di Lot 1050 dan 1053, Mukim Cheras, Hulu Langat.
6. Surau Sekolah Agama Menengah Rendah, Pekan Pasir Panjang.
7. Surau Kg. Parit 8½ Timor, Sungai Besar.
8. Surau Hj. Mohsin Bukit Changgang, Banting.
9. Surau Ubudiah Parit 10 Ban Cannel Pasir Panjang.
10. Surau Kg. Tengah Sabak Bernam.
11. Surau Parit 11, Ban Cannel, Pasir Panjang.
12. Surau Hospital Pakar Ampang Puteri.
13. Surau Kampung Tok Khalifah, Sg. Besar.
14. Surau Parit 10 Timur, Sg. Panjang.
15. Surau Perumahan Rakyat Bagan Terap. Sabak Bernam.
16. Surau Parit 9 Baruh, Pasir Panjang.
17. Surau An-Nur Al-Idrisiah Kg Baru 2, Jalan Kebun, Klang.
18. Surau Kompleks Belia dan Sukan Daerah Klang.
19. Surau Rumah Pangsa Lot PT 36236, Mukim Sg Buloh.
20. Masjid Kariah USJ 16-28, Subang Jaya.
21. Masjid Taming Jaya, Balakong, Hulu Langat.
22. Surau Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor, Bandar Sri Damansara.
23. Surau Kg. Tengah, Desa Putra, Dengkil.
24. Surau Subang Bestari, Seksyen U5, Shah Alam.
25. Surau Tasmin, Kg. Sijangkang.
26. Surau An-Nasihah Kg, Sg. Kertas, Batu Caves.
27. Surau Al-Muttaqin Kg. Labohan Dagang.
28. Surau Bukit Changgang
29. Surau Bukit Kuda Klang
30. Surau Sekolah Kebangsaan Dengkil.
31. Surau Sekolah Agama Rakyat, Kg. Hulu Chuchuh.
32. Surau Kolej INPENS.
33. Surau Bandar Baru Rawang.
34. Surau Al-Hidayah Kg. Sg. Buah Dengkil.
35. Surau Al-Falah, Kg. Lalang, Dengkil.
36. Surau Kg. Tok Aminuddin
37. Surau Balai Polis & Kompleks Kediaman di Zon Flagslap Cyberjaya.
38. Surau Sekolah Menengah Islam Hira', Jeram, Kuala Selangor.
39. Surau Sekolah Agama Rakyat, Kg. Sawah.
40. Surau Bangunan Persekutuan Petaling Jaya.



Dalam Kenangan.....

**Sahibus Samahah Tuan Haji Yusof Bin Sahabuddin
Mufti Selangor Yang Pertama
1953-1968**

Allahyarham Tuan Haji Yusof Bin Sahabuddin, Mufti pertama Negeri Selangor, adalah merupakan seorang ulama' yang telah banyak meninggalkan kesan pengajian (Ibrah) dan ikutan yang baik-baik (udwah) bukan sahaja dari segi khidmatnya sebagai mufti, tetapi juga merupakan seorang ulama' yang berjaya menghasilkan beberapa tulisan ilmiah, beliau dilahirkan di dalam keluarga yang sederhana di Kampung Telok Menegon, Klang, Selangor dalam tahun 1306 Hijrah.

PENDIDIKAN

Tuan Haji Yusof menerima pendidikan awal di kampungnya di sekolah Melayu Telok Menegon, Klang.

Allahyarham dikatakan mendapat tawaran menjadi guru sekolah sebaik sahaja beliau tamat dari Sekolah Melayu Telok Menegon tetapi beliau menolak tawaran itu. Beliau membuat keputusan untuk meneruskan pengajaran secara pondok. Pondok Padang Lalang, yang merupakan tempat pendidikan agama terkenal ketika itu. Tuan Haji Yusof mempelajari ilmu asas agama dengan Tuan Guru Haji Ahmad selama 13 tahun, di dalam bidang Feqh, Tauhid, Tafsir, Hadis, Nahu-Sorof dan Tasawuf.

Pada tahun 1911 masihi, beliau berangkat ke Mekah untuk melanjutkan pelajaran agama disana. Semasa di Mekah Tuan Haji Yusof merupakan seorang pelajar yang sangat mengambil berat dengan pengajian ilmunya disamping bertanggungjawab mengajar anak buah dan keluarganya. Pengetahuan agama yang diajarkan adalah berteraskan kitab-kitab jawi dan arab karangan Mazhab Shafie. Waktu siang beliau menjadi murid kepada guru-gurunya yang masyhur ketika itu. Manakala waktu malam pula mengajar keluarganya yang berada di Mekah.

Selepas 6 tahun menerima ilmu di Mekah beliau kembali ke tanah air dan memulakan khidmat sebagai guru dengan mengasaskan pondoknya sendiri di Selekoh, Perak.

SUMBANGAN DIBIDANG PENDIDIKAN

Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan secara formal bermula pada tahun 1918 melalui pendidikan tradisional pondok. Sistem pendidikan pondok ditubuhkan atas inisiatif dan kesungguhan beliau bertempat di Selekoh di atas tanah miliknya sendiri.

Metod pendidikan yang diperkenalkan oleh Tuan Haji Yusof ialah dua cara, Nazomi dan Umum.

Cara Nazomi disampaikan khusus kepada murid-murid beliau yang mengikuti pengajian secara langsung iaitu secara berturutan, dari bab ke bab, dari sebuah kitab ke sebuah kitab atau dari satu peringkat ilmu tertentu kepada peringkat tertentu mengikut kriteria kitab-kitab yang dipilih.

Manakala cara umumnya pula ialah pendidikan yang disampaikan secara terbuka kepada orang ramai (penduduk tempatan), biasanya di surau dengan waktu-waktu yang terbatas, misalnya antara waktu Asar dan Maghrib, waktu Maghrib dan Isya' atau sebagainya.

Bidang pengajian yang dilakukan melalui sistem pondok ini adalah termasuklah ilmu-ilmu Tafsir, Hadith, Feqh, Usuluddin, Aqidah, Akhlak dan Sirah. Penyampaian ilmu-ilmu ini disalurkan melalui kitab-kitab yang popular secara syafawi, membaca kitab, halaqah ilmu dan soal jawab.

KHIDMAT SEBAGAI MUFTI

Tuan Haji Yusof menyambung pengajian di Mekah peringkat kedua pada tahun 1937 dengan membawa bersama keluarganya. Dalam tahun 1952 almarhum Sultan Hishamuddin Sultan Selangor, yang menunaikan ibadah haji ke Mekah telah menemui Tuan Haji Yusof dan memujuknya supaya kembali ke Selangor untuk memegang

jawatan Mufti.

Beliau pulang ke Selangor dan mula bertugas sebagai Mufti pertama Negeri Selangor. Sebagai Mufti yang pertama beliau sangat mengambil berat dan kritikal terhadap masalah agama dan peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika itu. Dengan ketegasan beliau dalam masalah hukum syarak, Sultan sendiri menaruh sepenuh kepercayaan dan penghormatan kepadanya sebagai seorang guru, ulama' dan Mufti yang berwibawa.

Semasa menjawat jawatan Mufti inilah beliau sentiasa pergi ke kampung-kampung seluruh Selangor untuk menyampaikan ilmu pengetahuan samada melalui majlis-majlis ilmu, khutbah-khutbah Jumaat, soal jawab (Dialog) ilmiah, pertemuan halaqah ilmu dan yang paling penting, berkesan dan istimewa ialah melalui kajian-kajian ilmiah yang terbukti daripada kitab-kitab yang dikerangnya untuk menjawab beberapa persoalan agama di zamannya.

SUMBANGAN ILMIAH

Tuan Haji Yusof memegang jawatan Mufti Negeri Selangor kira-kira selama 14 tahun (masihi 1953-1967). Dalam tempoh ini beliau bukan sahaja menyumbangkan khidmatnya sebagai Mufti, tetapi juga sebagai pendidik, disamping itu beliau juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan dalam bidang ilmiah. Ini dapat dilihat dari hasil ilmunya dalam bentuk beberapa buah kitab dan risalah yang menyentuh persoalan-persoalan agama meliputi bidang-bidang Ilmu Feqh, Usul Feqh, Usuluddin dan Tasawwuf.

Haji Yusof juga telah menyusun sebuah kitab menerangkan sebab-sebab kenapa Mirza Ghulam Ahmad Al-Qadiani dan juga pengikut-pengikutnya terkeluar daripada agama Islam. Penyusunan kitab ini dibuat adalah kerana kebimbangan tersebabnya pengaruh Qadiani, di kalangan masyarakat Melayu, khususnya di kalangan masyarakat muslim di Selangor.

Salah sebuah kitab Tuan Haji Yusof yang menarik ialah menyentuh persoalan Usul Feqh. Kitab ini mengandungi dua bahagian perbincangan yang penting. Pertama, beliau mengemukakan alasan-alasan menentang mereka yang mengatakan bahawa: tidak harus bertaqlid kepada salah satu ulama' mujtahidin (ulama' mazhab empat). Manakala bahagian kedua beliau mengutarakan perbincangan mengenai sifat-sifat dan syarat-syarat yang perlu untuk membolehkan seseorang itu melakukan ijthad.

Risalah lain yang bernama: "Sekitar hukum memungut zakat" walaupun ringkas, beliau dengan jelas mengemukakan dalil-dalil dari Al-Quran dan Al-sunnah menunjukkan bahawa zakat itu wajib dilaksanakan. Dalam perbincangan itu beliau juga mengemukakan tentang keperluan pelantikan amil dalam urusan pungutan zakat.

Tuan Haji Yusof bukan sahaja menulis dalam bidang Tasawuf, malah Tasawuf adalah sebatik dalam amalan rohaniannya. Beliau seorang yang warak dan beramal dengan Tariqat Naksyabandiah yang telah membentuk dirinya berakhlak mulia dan terpuji sehingga dihormati oleh seluruh lapisan masyarakat, dari golongan rakyat biasa, hingga kalangan istana.

KESIMPULAN

Dilihat daripada sumbangan dan hasil peninggalan Allahyarham yang amat bernilai dan berharga dalam bidang pendidikan dan karya-karya ilmiah. Maka beliau telah dipilih sebagai tokoh ulama' silam yang kesepuluh oleh Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 6 Muharram 1406 bersamaan 21 September 1985. Allahyarham kembali ke Rahmatullah di Makkatul Mukarramah. Al-Fatihah.....

Disunting dari Majalah Al Ehsan bil.11- 1986

Menghayati Keindahan Islam

Oleh:

Tuan Hj. Othman bin Hamzah Al-Muqri
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor



Pengenalan.

Islam itu nama yang dikenal bagi agama yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. Nama ini bukannya ijihad daripada Nabi Muhammad s.a.w. tetapi ianya datang daripada Allah s.w.t. sendiri.

Dari segi bahasa Islam membawa maksud:

1. Terlepas dan bebas dari keburukan atau kekurangan
2. Aman dan damai
3. Taat dan patuh

Islam itu agama yang sempurna dan indah. Keindahan Islam hanya terzahir apabila Islam dilaksanakan secara menyeluruh. Dalam satu hadith yang masyhur, Jibril menyanyikan dalam bentuk manusia bertanya kepada nabi mengenai tiga perkara iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Nabi menerangkan perkara tersebut satu persatu.

- Islam ialah mengucapkan dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji.
- Iman ialah beriman kepada Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Kiamat dan Percaya kepada Qadha' dan Qadar.
- Ihsan ialah engkau menyembah Allah seperti engkau melihatnya.

Hanya orang yang mengamalkan Islam secara menyeluruh dan serentak ketiga-tiga aspek ini akan dapat merasai keindahan Islam dan berjaya menonjolkan imej Islam yang indah itu.

Asas Islam.

1. Keadilan
2. Keutamaan
3. Masalah (kepentingan)
4. Kuat masalahnya - hukumnya wajib
5. Kurang masalahnya - hukumnya sunat

Lawan masalah ialah mudharat

Kuat mudharatnya - hukumnya haram
Kurang mudharatnya - hukumnya makruh

Masalah dalam Islam ialah:

1. Memelihara jiwa
2. Memelihara agama
3. Memelihara keutamaan
4. Memelihara akal
5. Memelihara harta

Keindahan Islam

Islam Agama Keseimbangan

1. Seimbang rohani dan spiritual
2. Seimbang dunia dan akhirat
3. Seimbang akal dan perasaan
4. Seimbang idea dan kenyataan
5. Seimbang kebebasan dan tanggungjawab
6. Seimbang individu dan masyarakat

Kerana itu Rasul s.a.w. menolak 3 orang sahabat yang telah bertanya tentang ibadah baginda.

- Seorang berazam untuk berpuasa tanpa berbuka
- Seorang berazam untuk berjaga (beribadah) tanpa tidur.
- Seorang berazam untuk tidak berkahwin.

Apabila Rasul mengetahui akan perkara ini, baginda telah bersabda maksudnya:

"Adapun sayalah yang paling takut kepada Allah dan paling takwa, tetapi saya berpuasa dan berbuka, bersolat malam dan tidur dan berkahwin. Sesiapa yang berpaling daripada sunnahku, maka dia bukan dari kalanganku".

Baginda menegur mengenai sifat melampau Abdullah b. Al-Ash dalam berpuasa dan beribadah. Baginda telah bersabda maksudnya:

"Sesungguhnya keatasmu bagi badanmu ada hak, bagi matamu, keluargamu dan isterimu ada hak. Maka hendaklah tunaikan setiap yang berhak akan keluarganya".

Mudah tidak Menyusahkan

Rasul s.a.w. bersabda, maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan aku untuk memberat dan memayahkan tetapi aku diutus sebagai guru yang memudahkan".

Sabdanya lagi bermaksud:

"Permudahkanlah, jangan menyusahkan, gembirakanlah, jangan meliarkan".

Rukhsah dan Dharurat

Firman Allah bermaksud:

"Sesiapa yang terpaksa tanpa menginginkan dan tanpa melampau maka tiada dosa ke atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pemurah".

Kaedah feqah bermaksud:

"Dharurat membolehkan perkara-perkara yang dilarang"

Pengertian Sedekah

Sabda Nabi s.a.w. bermaksud:

"Senyummu kepada saudaramu adalah sedekah. Engkau menyuruh kepada makruf dan mencegah adalah sedekah. Engkau memimpin seseorang daripada sesat adalah sedekah. Engkau membuang penyakit, duri dan tulang dari jalan adalah sedekah. engkau memberikan giliranmu kepada giliran saudaramu adalah sedekah. engkau menjauhkan orang-orang yang jahat juga adalah sedekah".

Ukhuwwah Islamiyah

1. Islam memasukkan individu ke dalam masyarakat dan masyarakat ke dalam individu.
2. Islam menganjurkan perdamaian.
3. Dasar tasamuh
4. Hormat menghormati

Islam menjamin keselamatan

Firman Allah bermaksud:

"Masuklah ke dalam kesejahteraan seluruhnya (iaitu Islam)".

Islam menegaskan bermaksud"

"Wahai orang-orang yang beriman, kami jadikan kamu daripada lelaki dan wanita, dan kami jadikan berbangsa-bangsa dan berkabilah-kabilah untuk kamu saling kenal mengenal".

Islam jadi tidak indah

Disebabkan oleh:

1. Umat Islam menganggap dunia sebagai kejahatan. Kisah 2 orang berperang bersama Rasul. Seorang syahid seorang lagi hidup setahun sesudahnya.
2. Rasulullah menegaskan yang hidup setahun sesudahnya lebih dahulu masuk syurga kerana lebih banyak berbuat amalan.
3. Umat Islam tidak membezakan antara orang yang menguasai dunia dengan yang cintakan dunia.
4. Bandingkan umat kita dengan yang lain. Umat Islam lemah dan umat lain adalah kuat.
5. Gagal menggarap ilmu.
6. Musuh telah bersedia tetapi umat Islam masih lagi leka.
7. Bertengkar dalam masalah juiyyah melaikan perkara-perkara besar.
8. Tidak mengendahkan fardhu kifayah
9. Mengabaikan fardhu.
10. Menumpu sebahagian fardhu dan mengabaikan sebahagian yang lain contohnya melakukan solat tetapi tidak puasa atau berpuasa tetapi tidak melakukan solat.
11. Menumpu perkara sunat dan mengabaikan perkara fardhu. Misalnya berzikir dan bertasbeih setiap hari tetapi tidak sedikitpun cuba untuk mencegah kemungkaran.
12. Sibuk memerangi perkara makruh dan disisihkan untuk memerangi perkara yang haram.
13. Mengutamakan amalan berbanding ilmu.
14. Menyibukkan diri di dalam perkara-perkara sunat dan meninggalkan perkara yang fardhu. Misalnya melakukan qiamullail tetapi tidur ditempat kerja.


Contoh tidak seimbang

1. Menumpukan seni berbanding ilmu pendidikan
2. Haji setiap tahun tetapi keberatan membantu saudara-saudara kita di Afghanistan/Palestin.
3. Meninggalkan kuliah kerana Tabligh.
4. Bertengkar dalam masalah juiyyah melaikan perkara-perkara besar.
5. Tidak mengendahkan fardhu kifayah
6. Mengabaikan fardhu.
7. Menumpu sebahagian fardhu dan mengabaikan sebahagian yang lain contohnya melakukan solat tetapi tidak puasa atau berpuasa tetapi tidak melakukan solat.
8. Menumpu perkara sunat dan mengabaikan perkara fardhu. Misalnya berzikir dan bertasbeih setiap hari tetapi tidak sedikitpun cuba untuk mencegah kemungkaran.
9. Sibuk memerangi perkara makruh dan disisihkan untuk memerangi perkara yang haram.
10. Mengutamakan amalan berbanding ilmu.
11. Menyibukkan diri di dalam perkara-perkara sunat dan meninggalkan perkara yang fardhu. Misalnya melakukan qiamullail tetapi tidur ditempat kerja.

Umat Islam hendaklah berhijrah.

1. Memahami Islam dengan secara menyeluruh seimbang dan mendalam.
2. Memahami kehidupan nyata tanpa memperkecilkan dan takut menghadapi cabaran.
3. Memahami tujuan sebenar syariat.
4. Memahami perselisihan pendapat dan cara penyelesaiannya.
5. Kaedah penyelesaiannya:
"Kita bantu membantu dalam perkara yang kita sepakati dan bertolak ansur dalam perkara yang kita perselisihkan".
6. Percaya kepada kewujudan perubahan pemikiran, jiwa dan perilaku berdasarkan kepada perubahan budaya.
7. Memudahkan dalam memberi fatwa dan berita gembira.
8. Mahu berdialog dengan orang lain dengan cara yang baik.


Gambar Sekitar Aktiviti Jabatan



1. Kemahkotaan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj pada 8/3/2003
2. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderahati kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor sempena lawatan kerja ke Jabatan Mufti Selangor.
3. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Negeri Selangor mengadakan perbincangan dengan Timbalan Ketua Hakim Arab Saudi.
4. YAB Dato, Menteri Besar Selangor menerima cenderahati daripada Sahibus Samahah Pemangku Mufti Negeri Selangor sempena perasmian Seminar Pembangunan Ummah Peringkat Negeri Selangor pada

- 14 Julai 2003 di Hotel Goldcourse Klang.
5. Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Negeri Selangor mengadakan pertemuan dengan mahasiswa-mahasiswi Selangor di Kaherah Mesir.
6. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Negeri Selangor sedang melakukan cerapan hilal di Bukit Malawati, Kuala Selangor.
7. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Sarawak mengadakan muzakarah di Kuching, Sarawak.
8. Peserta Kursus Falak Syarie Daerah Gombak bergambar bersama Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Di Raja Mufti Negeri Selangor.

Mufti Selangor 2002-2003



9. Peserta Kursus Falak Syarie KISDAR diberi taklimat oleh Pen. Pegawai Falak tentang cara-cara penentuan kiblat pada 8-10 Ogos 2003.

10. Para peserta yang mengikuti Seminar Pembangunan Ummah Peringkat Negeri Selangor pada 14 Julai 2003 di Hotel Goldcourse Klang.

11. Seminar Khurafat dan Azimat Pada Pandangan Islam yang disertai oleh Imam/Nazir Daerah Klang pada 25/6/2003.

12. Pameran Falak Syarie, Jabatan Mufti Selangor pada 25-27 Julai 2003 sempena Ekspo Korvokesyen Darul Quran di Kuala Kubu Baru.

13. Kerja pemindahan kubur orang Islam di Cheras bagi pembinaan jalan raya.

14. Pegawai Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Selangor sedang membuat pengesahan arah kiblat bagi pembinaan surau Balai Polis Hulu Kelang.

15. Mahasiswa-mahasiswi daripada UKM dan KUSZA sedang mengikuti program Cerapan Hilal Zulkaedah 1423 Hijri di Bukit Jugra, Kuala Langat, Selangor pada 3/1/2003.

16. Sambutan Hari Keluarga Jabatan Mufti Negeri Selangor di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Soal Jawab Agama

Mengenai Isu-isu Semasa

SOALAN

1. Apakah hukumnya jika menggunakan kaedah bayi tabung uji untuk mendapatkan anak?
2. Apakah pandangan Islam tentang kewujudan Bank air mani?
3. Bagaimanakah pandangan Islam tentang pemindahan jantung dan mata orang mati kepada orang yang hidup?
4. Adakah wajib zakat wang daripada Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP)?
5. Apakah hukum zakat, korban dan akikah ke atas ternakan rusa?
6. Bagaimanakah hukum jika seseorang Islam menderma darah kepada orang bukan Islam dan sebaliknya?
7. Adakah wajib dikenakan zakat gaji dan pendapatan profesional?
8. Bagaimanakah pandangan Islam terhadap pembedahan mayat orang Islam (post-mortem)?
9. Bolehkah kandungan janin digugurkan kerana berlaku kecacatan pada janin tersebut?
10. Apakah hukumnya menggunakan berus yang diperbuat daripada bulu babi?
11. Apakah hukumnya menggunakan baja yang diperbuat daripada benda najis seperti najis khinzir, lembu dan sebagainya?
12. Bagaimanakah kedudukan mak nyah dalam Islam?
13. Apakah hukumnya jika seseorang itu mengerjakan haji lebih daripada sekali?
14. Bolehkah dilakukan pemindahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain?
15. Bagaimanakah pandangan Islam bagi seseorang perempuan yang menggugurkan kandungan atas nasihat doktor disebabkan kecacatan?
16. Apakah pandangan Islam jika seseorang itu bersahabat atau meminta pertolongan jin?

JAWAPAN

1. i. Bayi tabung uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara "terhormat" adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung itu adalah tidak sah.
ii. Bayi yang dilahirkan melalui tabung uji itu boleh menjadi wali dan berhak menerima harta pusaka dari keluarga yang berhak.
iii. Sekiranya benih dari suami atau isteri yang dikeluarkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Islam, maka ianya dikira sebagai cara terhormat.
2. i. Mengadakan bank air mani adalah haram dalam Islam.
ii. Sekiranya bank air mani telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk menghapuskannya.
iii. Perbuatan beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara muhtaram (yang diluluskan oleh syarak), dibenarkan oleh Islam.
iv. Penglibatan doktor pakar atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan bank air mani adalah haram.
3. Pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam, dan di atas kebenarannya pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:
a) Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya adalah difikirkan berjaya.
b) Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan sebelum dipindahkan jantungnya.
c) Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya.
d) Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau dari kaum keluarga atau keluarganya di dalam kematian akibat kemalangan.
4. Wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bagi pekerja-pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Syafie.

5. Rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan akikah.

Jika sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%.

6. i. Menderma darah hukumnya harus.
ii. Tidak perlu diasingkan darah orang Islam daripada darah orang bukan Islam.
iii. Penghargaan dalam bentuk bayaran kepada penderma darah tidak digalakkan.

7. i. Zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.
ii. Pendapatan profesional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.

8. Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan bedah siasat atau si mati tertelan benda berharga atau si mati sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

9. Adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan, kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.

10. Penggunaan berus yang diperbuat daripada bulu babi adalah haram.

Sekiranya tidak pasti sama ada berus tersebut daripada bulu babi atau tidak maka harus digunakan.

11. i. Bahawa baja yang diperbuat daripada tahi babi adalah najis mughallazah, sementara hukum menggunakannya sebagai baja adalah harus serta makruh.
ii. Bahawa makanan ayam yang diproses daripada bahan-bahan yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, darah babi dan lain-lain adalah harus atau halal.

12. a) Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.

- b) Seseorang yang dilahirkan "khunsa musykil" iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi

mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

13. Perspektif hukum bahawa kesan jemaah haji menunaikan haji lebih daripada sekali adalah berkebajikan di dunia dan beroleh ganjaran yang besar di akhirat. Terserahlah kepada orang perseorangan bahawa dia telah mendahulukan amalan yang wajib kemudian mengerjakan pula amalan yang sunat.

14. Pemindahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan si mati dipindahkan dengan cara yang baik dan sempurna.

15. i. Menurut Ijmak Fuqaha, haram menggugurkan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab-sebab kecacatan yang teruk.

- ii. Makruh menggugurkan janin yang berumur antara 1 hari hingga 40 hari sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan daripada kedua-dua suami isteri.

- iii. Ijmak Fuqaha berpendapatan pengguguran janin yang berumur sebelum 120 hari harus sekiranya janin itu cacat dan berpenyakit yang boleh membahayakan nyawa ibu.

16. i. Besahabat dengan jin dengan tujuan mendapatkan pertolongan dalam perkara yang ditegah oleh syarak, adalah haram.

- ii. Meminta pertolongan jin dalam rawatan perubatan sehingga membawa kepada syirik, adalah haram.

- iii. Meminta pertolongan jin untuk mencari kekuatan dan kehebatan, adalah haram.

- iv. Meminta dan menggunakan khidmat jin untuk ilmu sihir atau nujum, adalah haram.

**Petikan daripada Buku Keputusan Fatwa Kebangsaan terbitan JAKIM*

Mutiara Kata

"Apa yang dianugerahkan oleh Allah kepada seorang hamba, akan suatu nikmat, kemudian dicabutNya nikmat itu dari hamba tersebut kemudian digantikanNya dengan sabar, maka apa yang digantikan oleh Allah itu adalah lebih baik daripada yang dicabutNya".

(Umar bin Abdul Aziz)

Kisah & Teladan

Amanah Jangan Dikhianati

Oleh:
Ustazah Haslina bt. Mohammad Yusof
Bahagian Istinbat

Amanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Ia menentukan masa hadapan sesebuah masyarakat. Semua peranan yang dimainkan oleh setiap individu berkisar AMANAH yang telah diletakkan ke atas dirinya. Manusia tidak boleh melepaskan dirinya dari menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya oleh kehendak-kehendak kehidupan. Salah satu daripadanya ialah urusan-urusan pentadbiran yang merupakan satu urusan yang mesti dipelihara dan dikawal tanpa dicemari oleh unsur-unsur yang merosakkan. Setiap individu bertanggungjawab untuk memperbaiki sebarang kerosakan yang berlaku dalam urusan pentadbiran kerana itu adalah satu amanah yang dipikulkan kepadanya. Setiap orang mesti menunaikan amanah kepada Tuhannya, dirinya, keluarganya, majikannya, negaranya dan masyarakat seluruhnya.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah salah seorang daripada khalifah kerajaan Bani Umayyah yang terkenal dengan sifat amanahnya. Pada suatu malam ketika baginda sedang tekun menyiapkan kertas rasminya dalam bilik istana, tiba-tiba salah seorang puteranya telah masuk untuk membincangkan suatu hal yang berhubung dengan urusan keluarga. Setelah puteranya duduk, baginda memadamkan lampu yang berada di atas meja yang digunakan oleh baginda ketika baginda bekerja pada malam itu. Puteranya merasa hairan lalu bertanya;

"Kenapa ayahanda padamkan lampu ini? Bukankah lebih baik kita berbincang di bawah cahaya lampu yang terang".

Khalifah Umar pun menjawab, " Benar katamu wahai anakku, tetapi engkau harus ingat, lampu yang sedang ayahanda gunakan untuk bekerja sebentar tadi adalah kepunyaan kerajaan, minyak yang digunakan itu dibeli dengan wang kerajaan, sedangkan perkara yang hendak kita bincangkan ini adalah urusan keluarga".

Kemudian baginda menyuruh seorang pelayan membawa lampu yang lain dari dalam biliknya. Setelah lampu itu dinyalakan maka baginda pun berkata kepada puteranya,

"Sekarang lampu yang baru kita nyalakan ini adalah kepunyaan keluarga kita, minyaknya pun kita beli dengan wang kita sendiri. Sila kemukakan apa yang hendak anakanda bincangkan dengan ayahanda".

Mutiara Kata

*Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang tidak
lekas marah, yang pemalu, yang merasa ekuip, yang menjaga diri
dari meminta, bapa keluarga yang bertaqwa, dan Allah marah
pada orang yang keji perbuatannya, buruk lidahnya, suka
meminta dan yang kurang cerdas.*

- Ahli Hikmah -

JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA) NEGERI SELANGOR SESSI 2003-2005



Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd Tarmyes Bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama DiRaja Mufti Negeri Selangor



Sahibus Samahah
Tuan Haji Abdul Majid Bin Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor



Y.B. Puan Hajjah Badariah Binti Hassan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor



YBhg Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mokhtar
Bin Haji Shafii
Pensyarah Kanan Kolej Darul Hikmah



YBhg. Prof Madya Md Saleh
Bin Haji Md@Haji Ahmad
Universiti Malaya



YBhg Prof Madya Dr Zaleha Binti Kamaruddin
Universiti Islam Antarabangsa



YBhg Tuan Haji Abd. Aziz Bin Andik Achok
Pendakwah Bebas



YBhg Tuan Haji Othman Bin Hamzah
Imam Besar
Masjid Negeri Selangor, Shah Alam



YBhg Tuan Haji Aluwi Bin Perman
Jabatan Agama Islam Selangor



YBhg Tuan Haji Zainal Abidin
bin Haji Sulaiman
(Setiausaha)

PERANAN BAPA KE ARAH MELAHIRKAN GENERASI RABBANI

Oleh:

Ustaz Nurhelmi bin Ikhsan
Bahagian Istibat

Pendidikan terhadap anak merupakan perkara yang amat penting dan dititikberatkan dalam ajaran Islam. Anak-anak adalah amanah Allah dan merupakan generasi penerus bagi mendidik diri dan keluarga untuk memiliki kekuatan jiwa yang mampu menahan dari terjerumus kepada perbuatan yang menyalahi syariat Islam.

Firman Allah s.w.t. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya dari manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras dan kasar layanannya, mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan".

(At-Tahrim : 6)

Ayat ini menegaskan tentang bahaya atau akibat daripada melanggar perintah Allah iaitu setiap daripada kita wajib mengetahui seterusnya mendidik anak, isteri dan keluarga yang kita kasihi dengan ajaran dan adab serta peraturan yang telah digariskan oleh Islam supaya diri dan keluarga kita terselamat dari kemurkaan Allah dan azabnya yang maha pedih.

Menurut perspektif Islam, pendidikan anak-anak ialah proses mendidik, mengasuh dan melatih rohani serta jasmani mereka dengan berteraskan nilai-nilai yang baik bersumberkan Al-Quran, Hadis dan pendapat serta pengalaman para ulama. Ia bertujuan melahirkan insan rabbani yang beriman, bertakwa dan beramal soleh.

Falsafah pendidikan Islam sebenarnya menekankan aspek rohani dan jasmani, sesuai dengan kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada roh dan jasad. Ianya melibatkan beberapa peringkat, bermula dari dalam kandungan hinggalah ia lahir dan menjadi dewasa. Sebelum anak dilahirkan, bapa perlu menyediakan tempat dan persekitaran yang sesuai untuk membesarkan anak dengan sebaik-baiknya. Ini bererti dunia pertama anak-anak setelah dilahirkan ialah rumah ibubapa itu sendiri. Untuk mencapai kesempurnaan pendidikan anak-anak, ibubapa perlu mewujudkan suasana harmoni dan bercirikan kelslaman dalam kehidupan rumahtangga terlebih dahulu.

Jika pasangan suami isteri menghayati nilai-nilai kelslaman dalam kehidupan rumahtangganya, maka mudahlah ia mendidik anak-anaknya dengan benih-benih Islam. Atas dasar itulah Rasulullah s.a.w. mengingatkan bakal-bakal suami agar memilih bakal isteri yang mempunyai kesungguhan dalam penghayatan agama, bukan kerana paras rupa, keturunan atau harta semata-mata.

Sabda

حَدَّثَنَا أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

قَالَ يُكَيِّمُ الْمَرْءُ لَأَرْبَعٍ لَدَائِلَهَا وَلِحَسَنِيهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ فَرَبُّكِ يَدْأُكَ *

"Wanita dikahwini kerana empat perkara, iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama kerana ia lebih menguntungkan kamu (lebih utama)".

(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud).

Sekiranya pasangan suami isteri gagal menerapkan nilai-nilai Islam dan mengekalkan kerukunan rumahtangga, sukarlah bagi mereka untuk mentarbiyah anak-anak mengikut acuan dan budaya hidup Islam. Maka rumah, ibubapa dan keluarga mesti dijadikan institusi penting dalam pembangunan anak cemerlang.

Islam menetapkan bahawa tugas dan peranan utama dalam keluarga adalah tanggungjawab bapa. Kita kerap diingatkan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Ibubapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani ataupun Majusi".

Ternyata bahawa berjaya atau tidaknya seseorang anak itu menjadi insan kamil bergantung kepada didikan kedua-dua ibubapa. Mungkinkah tanggungjawab yang berat ini dapat dipikul dan dilaksanakan oleh seorang ibu secara bersendirian?

Bapa juga berperanan dalam pembentukan akhlak anak-anak. Al-Quran sendiri telah mengutarakan kisah Luqman Al-Hakim - seorang bapa yang menasihati anaknya supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah, tidak menyekutukannya, berbakti kepada ibubapa, menangkis arahan yang bercanggah dengan syariat, menghayati balasan yang baik dan buruk, tunaikan solat, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, sentiasa bersabar dan jangan sekali-kali bersikap sombong. Ayat dalam surah Luqman ini sering kita baca, tetapi berapa ramai bapa yang mengambil manfaat dan meniru perbuatan Luqman ini?

Oleh itu sebagai seorang bapa, didiklah anak-anak untuk mentaati perintah Allah sejak kecil lagi kerana ketika anak masih kecil fitrah mereka asalnya bersih. Tidak menjadi masalah besar untuk mereka diajar mematuhi perintah tuhan. Apabila sudah meningkat remaja, tidak sukar untuk menyuruh mereka menunaikan solat dan menutup aurat kerana telah dibiasakan dengan syariat Islam sejak kecil dan ia telah menjadi suatu budaya hidup mereka.

Dalam usaha memantapkan kefahaman Islam dikalangan anak-anak, ketua keluarga hendaklah mewujudkan persekitaran agama di dalam rumahtangga. Di antara perkara yang boleh dilakukan termasuklah:

- Memperbanyakkan koleksi buku agama; ketua keluarga seharusnya memperbanyakkan koleksi buku-buku agama di rumah dengan mengadakan perpustakaan mini di rumah dan memberi perhatian khusus terhadap bahan bacaan berunsur agama selain bahan bacaan yang lain. Ilmu agama dan akademik mempunyai kepentingan yang sama. Ia saling lengkap melengkapi antara satu sama lain tetapi yang lebih utama ialah penghayatan terhadap ilmu agama itu sendiri.

Ilmu akademik membekalkan manusia dengan kemahiran dan teknologi untuk membina pembangunan dunia manakala penghayatan terhadap ilmu agama akan membentuk individu yang bertakwa, amanah, jujur dan bertanggungjawab. Dengan erti kata yang lain, akan lahir seorang individu yang bekerja keras untuk kehidupan dunia, membangunkan tamadun dunia. Namun hatinya tidak terlekat atau terleka dengan kehidupan dunia itu sendiri.

- Minat kepada ilmu agama; dengan membawa anak-anak ke pesta-pesta buku Islam, mendedahkan mereka kepada ilmu agama dalam pelbagai bentuk seperti konsert nasyid, kaset, vcd, bahan-bahan multimedia yang lain, khemah ibadah, program-program keagamaan seperti sambutan Maulidur Rasul, Tilawah Al-Quran dan sebagainya.
- Program peningkatan ilmu agama; Bawalah anak-anak menghadiri program yang boleh meningkatkan ilmu agama seperti kuliah fardhu ain di masjid. Bagi yang berkemampuan, bawalah anak-anak menziarahi tempat-tempat peninggalan sejarah Islam dan tempat yang membawa kepada keagungan dan keunggulan Islam. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pengajaran yang tersurat dan tersirat daripada sesuatu tempat itu.

Selain daripada usaha dan peranan yang telah dilakukan, sebagai ketua keluarga, seseorang bapa hendaklah sentiasa berdoa kehadrat Allah s.w.t. agar sentiasa membekalkan petunjuk, hidayah dan rahmat yang diberikan ke atas anak, isteri dan keluarganya. Berdoalah dengan penuh kesungguhan dan pengharapan.

Selain daripada itu mohonlah agar kita dan keluarga kita dimatikan dalam khushul khatimah (sebaik kesudahan) dan dijauhkan daripada suul khatimah (seburuk kesudahan).

Anak-anak merupakan amanah Allah yang perlu dididik sebaiknya sejak ia kecil lagi supaya apabila besar kelak ia menjadi anak yang soleh dan sentiasa taat kepada kedua ibubapanya. Menjadi kewajipan kepada setiap ahli keluarga mengamalkan nilai murni dan ketua keluarga hendaklah konsisten dalam mendidik anak-anak agar sentiasa mengamalkan perintah dan menjauhi larangan Allah. Mereka ibarat kain putih dan ibubapalah yang berperanan mencorak dan melukiskannya dengan warna-warna menarik yang menjadi amalan dan cara hidup Islam.



Sambutan Hari Keluarga Jabatan Mufti Selangor di Port Dickson

Nur Iman

*Hujan yang turun
Membasahi tanah yang ketandusan
Hidup Suburlah segala tumbuhan
Menyerikan alam ciptaan Tuhan*

*Begitulah hati yang kegelapan
Tiada pegangan hilang pedoman
Pabila iman menyinari hati
Terbinalah keinsafan dalam diri*

*Kegelapan yang meliputi hati
Membawa kelekaan pada Dlahi
Lupa akan dirinya sendiri
Kelak pasti merugikan diri*

*Keimanan yang menerangi hati
Menjadi benteng pengawal diri
Sifat Mazmumah dapat dihindari
Mendapat ganjaran dari Dlahi*

*Ya-Allah, Tuhanku Yang Esa
Ku tahu diri dan hidup ini
Hanyalah sementara pinjaman semata
Yang pasti kembali padaMu...*

*Dari itu kurniakanlah padaku
Keteguhan Iman kecekalan hati
Dalam menghadapi onak perjuangan
Moga mendapat keredhaan
Moga mendapat kerahmatan...*

PENGKLONAN DARI SUDUT SYARAK

1. LATAR BELAKANG DAN ISU

- 1.1 Isu ini timbul ekoran daripada masyarakat pada hari ini yang berhadapan dengan isu pengklonan manusia yang telah menimbulkan beberapa persoalan rumit terutama dari sudut agama, akhlak dan nilai-nilai kehidupan manusia secara keseluruhannya.
- 1.2 Sehubungan itu fatwa perlu diadakan untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang pengklonan manusia dan pengklonan tujuan perubatan dari sudut syarak.
- 1.3 Definisi Pengklonan Manusia
 - 1.3.1 Perkataan 'klon' sebenarnya berasal dari bahasa Yunani, 'klwn' yang bermaksud tunas. Definisi ini menggambarkan keadaan asal proses pengklonan di mana ianya adalah proses pembiakan yang normal di kalangan tumbuh-tumbuhan dan sel-sel mikroorganisma. Sebab itulah cara pembiakan ini juga dipanggil 'vegetative reproduction' atau pembiakan tumbuh-tumbuhan. Oleh kerana cara pembiakan ini tidak melibatkan apa-apa perlakuan seks, ianya dikategorikan sebagai 'asexual reproduction' iaitu pembiakan tanpa seks.

1.4 Jenis Pengklonan

- 1.4.1 Kaedah atau teknik pengklonan terbahagi kepada dua, iaitu:

1. Pengklonan janin atau embrio (embryo doning):
Pada hakikatnya, kaedah pengklonan janin atau embrio telah bertahun-tahun digunakan ke atas haiwan ternakan bagi menghasilkan ternakan yang lebih kuat bakanya. Eksperimen juga pernah dijalankan ke atas janin manusia dengan menggunakan kaedah ini. Menurut para saintis pengklonan janin amat penting kerana beberapa sebab. Antaranya, ia dapat membantu meningkatkan pengetahuan manusia tentang pembiakan sel-sel janin. Dengan adanya kaedah pengklonan janin ini, saintis tidak lagi perlu bergantung kepada janin-janin yang diambil dari klinik-klinik kesuburan untuk melakukan uji kaji. Ia juga dapat mengurangkan penggunaan janin-janin asal.
2. Pengklonan dengan menggunakan teknik pemindahan nukleus (nuclear transfer technology)
Kaedah pengklonan jenis kedua ini agak sensasi kerana sebelum tahun 1997 apabila saintis mengumumkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencipta seekor kambing yang dinamakan Dolly, belum pernah seekor mamalia dilahirkan hasil dari penggunaan teknik tersebut. Kaedah pengklonan inilah yang hangat diperkatakan dan menimbulkan reaksi negatif apabila dicadangkan agar digunakan bagi menghasilkan manusia.

- 1.4.2 Saintis telah membahagi dua kaedah yang dijanjikan oleh pengklonan DNA dewasa melalui teknik 'nuclear transfer' iaitu:

- i. Bagi tujuan pembiakan (Reproduction reasons). Kaedah pengklonan ini berbeza dengan pengklonan janin. Pengklonan DNA dewasa dibolehkan melalui teknologi 'nuklear transfer' atau pemindahan nukleus. Setakat ini belum ada manusia yang diklon melalui kaedah ini. Namun begitu, para saintis begitu ghairah untuk menggunakan teknik ini bagi menghasilkan klon manusia.
- ii. Bagi tujuan perubatan (Therapeutic benefits). Para saintis mengatakan bahawa faedah yang bakal diperolehi dari pengklonan DNA Dewasa untuk Tujuan Perubatan menjanjikan pelbagai kebaikan dan tidak patut dihentikan. Menurut mereka, ia berbeza daripada pengklonan untuk tujuan reproduksi. Antara faedah dijanjikan termasuk;
 - a) Bagi memperolehi 'stem cell' yang akan membantu pertumbuhan sel baru;

- b) Bagi mencipta organ-organ penting;
- c) Membantu mengubati pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan air tulang sum-sum;
- d) Membantu meningkatkan pengetahuan tentang penyakit-penyakit genetik.

2. HUKUM DAN DALIL

- 2.1 Pengklonan untuk tujuan pembiakan manusia hukumnya adalah haram

- 2.1.1 Perubatan Pengklonan manusia bertentangan dengan syarak dan akan menjatuhkan darjat manusia seperti haiwan dan melawan janji Allah S.W.T. Seperti firman-Nya:

وَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَخَلَقْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَدَدْنَاهُمْ لَكُمْ رَسُولًا
وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَخَلَقْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَدَدْنَاهُمْ لَكُمْ رَسُولًا

Maksudnya;

"Sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan kami telah berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah kami ciptakan"

Al-Isra'; 70

- 2.1.2 Gambaran yang lebih jelas telah diberikan dalam firman Allah S.W.T.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ لَدُنْهِ فَجَعَلْنَاهُ نَفْسًا كَانِيَةً
وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ مِنْ لَدُنْهِ فَجَعَلْنَاهُ نَفْسًا كَانِيَةً

Maksudnya;

"Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian kami jadikan pati itu air benih (yang disimpan) didalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian kami diciptakan air benih itu menjadi segumpal darah lalu dari segumpal darah itu kami jadikan seketul daging lalu dari segumpal daging itu kami jadikan tulang lalu dari tulang itu kami balut dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik pencipta".

Al-Mu'minun: 12-14

- 2.1.3 Kejadian manusia bermula daripada tanah kemudian ditiupkan ruh sehinggalah sempurna kejadiannya. Mereka kemudian dipertanggungjawab dengan tugas-tugas agama. Justeru pengklonan manusia sebagaimana yang dilakukan ke atas binatang akan menjadikan manusia sama seperti binatang sedangkan Allah S.W.T. menjadikan manusia sebaik-baik kejadian dan diberikan tanggungjawab untuk mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah S.W.T.:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya;

"Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

Al-Tin: 4

- 2.1.4 Pengklonan untuk tujuan pembiakan akan memberikan implikasi yang buruk bukan sahaja kepada individu terlibat tetapi juga kepada masyarakat. Akibatnya, tiada ikatan kekeluargaan yang mengikat dari segi undang-undang atau syarak. Ini bukan sahaja

akan menafikan hak si anak malah akan menimbulkan komplikasi jika si ayah atau ibu tidak lagi ingin bertanggungjawab terhadap anak tersebut. Kedudukan anak serta ibu tidak terjamin dari segi nafkah, harta pusaka jika berlaku perpisahan atau kematian.

- 2.1.5 Bagi wanita yang tidak berkahwin, kebenaran penggunaan kaedah ini bagi membolehkan mereka mendapatkan anak juga tidak boleh dibenarkan. Ia akan menambahkan masalah ibu tunggal dan meniadakan hak seorang anak untuk mendapat kasih sayang seorang ayah. Dan yang paling ditakuti, kaum lelaki tidak lagi diperlukan kerana pembiakan tidak lagi melalui sperma. Perhubungan seksual akan dijadikan bahan permainan, hanya untuk memenuhi nafsu manusia. Disamping itu, pembiakan cara ini akan melemahkan spesies manusia dan mendedahkannya kepada bahaya kepupusan. Ini kerana ketiadaan homogeniti akan menyebabkan sesuatu populasi itu lemah secara genetik.

- 2.1.6. Membenarkan pengklonan manusia dalam kes-kes di atas turut akan merosakkan masa hadapan anak tersebut. Ia juga akan memusnahkan institusi kekeluargaan melawan fitrah manusia yang telah ditetapkan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T.:

قَالُوا وَيَحْتَكُمُ لِلدِّينِ حَيْثُ فُطِرْنَا ۖ فَلْيُفَرِّقِ اللَّهُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ آلِ آدَمَ ۖ كَيْفَ يُفَرِّقُ بَيْنَنَا وَبَيْنَ آبَائِنَا الْأَوَّلِينَ
يَعْلَمُ اللَّهُ ذَلِكَ الَّذِينَ الْفَاقِرَةُ وَلَكِنَّ الْكَافِرِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"Agama Allah", iaitu agama yang Allah ciptakan manusia (dengan keadaan yang bersedia dari semula jadinya lagi) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

Al-Rum: 30

- 2.1.7. Bagaimana pula dengan pengklonan antara suami isteri? Kaedah ini juga tidak boleh dibenarkan kepada pasangan suami isteri kerana beberapa sebab:

Pertamanya, dari segi saintifik, status anak yang dilahirkan hasil dari kaedah pengklonan sebenarnya bukanlah 'anak' kepada pemberi nukleus terabit. Sebaliknya, klon yang dihasilkan adalah "kembar seiras" yang dilahirkan pada waktu terlewat oleh orang yang berbeza. Dengan sebab itu, jika nukleus diambil daripada bapa, pada hakikatnya dia bukanlah 'bapa' kepada anak tersebut tetapi adalah kembar awal anak tersebut. Ini seterusnya menimbulkan implikasi terhadap status perwalian, nafkah, harta pusaka, penentuan aurat dan sebagainya.

- 2.1.8 Jika ovum wanita lain pula digunakan dalam proses pengklonan tersebut, lebih banyak lagi masalah yang akan timbul. Selain daripada kesamaran status suami dengan anak tersebut, status penderma telur juga boleh dipertikaikan. Malah status ibu yang mengandungkan anak itu juga dalam kesangsian.

Kesamaran ini akan lebih terserlah jika kita amati firman Allah menerangkan dengan jelas:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَكُمْ وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya:

"Wahai manusia takutlah kamu kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa) dan membiakkan dari kedua-dua zuriatnya keturunan lelaki dan perempuan yang ramai".

An-Nisa': 1

Firman Allah S.W.T. lagi:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا جَمَلًا تَسْبِيحًا وَرَضَعْنَاهُ مِنْ سَمِئَةٍ لَهَا وَكُنَّ

Maksudnya:

"Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia daripada air lalu dijadikan (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (Persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki)".

Al-Furqan: 54

- 2.1.9 Malahan sebanyak sebelas ayat tentang penciptaan manusia menegaskan bahawa nasab datangnya daripada 'nutfah', genetik, sperma juga bertanggungjawab menentukan jantina seseorang itu.

Walaupun kepentingan telur itu tidak dapat dinafikan, namun adalah jelas bahawa nasab datangnya daripada lelaki, melalui sperma. Di samping membawa separuh daripada informasi genetik, sperma juga bertanggungjawab menentukan jantina seseorang itu.

- 2.2 Perbuatan mengklon janin manusia untuk tujuan kajian kemudian janin tersebut dimusnahkan sebelum tempoh 120 hari hukumnya adalah harus.

- 2.2.1. Perbuatan mengklon janin manusia untuk tujuan kajian kemudian janin tersebut dimusnahkan sebelum tempoh 120 hari hukumnya adalah harus. Ini berdasarkan kepada pandangan para fuqahak mengenai hukum pengguguran kandungan sebelum sempurna 120 hari (4 bulan) iaitu:

- Harus tanpa keuzuran. Ini adalah pendapat sesetengah ulama Mazhab Syafi'i dan sesetengah Mazhab Hanafi.
- Harus ketika adanya keuzuran dan makruh jika tiada keuzuran.
- Makruh. Ini pendapat sesetengah ulama Maliki.
- Haram tanpa ada keuzuran. Ini adalah pendapat yang muktabad daripada Mazhab Maliki dan Mazhab Syafi'i. (Lihat Kitab Ahsan al-Kalam fi al-fatawa wa Al-Ahkam oleh Fadhilah Syaikh Artzyah Saqr, Cetakan Pertama t.t Dar al-Ghad, Qahirah hal: 369-372)

- 2.3. Perbuatan mengklon manusia untuk mengambil sum-sum tulang atau mana-mana organ pada manusia yang telah diklonkan hukumnya haram kerana pengklonan ini telah melahirkan manusia yang cukup sifatnya.

Menurut Mufti Mesir, Dr Nasr Farid Wasil dalam sidang akhbarnya pada 30 Jun 2001 bahawa manusia tidak harus dijadikan bahan percubaan seperti mana yang dilakukan kepada tumbuh-tumbuhan, binatang dan batu-batu. Ini kerana Allah S.W.T. telah melantik manusia sebagai khalifah-Nya di muka bumi dan manusia telah dijadikan lebih mulia daripada segala makhluk yang lain. Kejadian manusia bermula daripada tanah kemudian ditiupkan ruh sehingga sempurna kejadiannya. Mereka kemudian dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas agama. Justeru pengklonan manusia sebagaimana yang dilakukan ke atas binatang akan menjadikan manusia sama seperti binatang sedangkan Allah S.W.T. menjadikan manusia sempurna dan diberi tanggungjawab untuk mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya.

- 2.4 Pengklonan untuk tujuan perubatan seperti mencipta sel-sel tertentu bagi menggantikan organ yang telah rosak hukumnya adalah harus.

Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Singapura, pengklonan bagi menghasilkan organ gantian untuk kajian perubatan atau menggantikan organ yang telah rosak adalah diharuskan. Walaupun para saintis masih di peringkat percubaan dan kajian dalam bidang ini, ia mungkin akan menjadi kenyataan pada masa hadapan. Sekiranya projek ini berjaya, seseorang yang mengalami sakit jantung atau ginjal mungkin tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan ganti jantung atau ginjal yang telah rosak.

KEPUTUSAN

Setelah meneliti beberapa pandangan yang dikemukakan oleh ahli hukum pengklonan pembiakan manusia dan pengklonan tujuan perubatan dari sudut syarak telah difatwakan dengan sifahanya sebagaimana berikut:

- Pengklonan manusia untuk apa-apa tujuan sekalipun adalah haram kerana ia bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang ditentukan oleh Allah S.W.T.; dan
- Penggunaan 'stem cell' bagi tujuan perubatan dan kajian, yang diambil bukan dari proses pengklonan adalah diharuskan selagi ia tidak bercanggah dengan hukum syarak.

(Muzakarah Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-51 pada 11 mac 2002)

- Mencari Keredhaan Mu -

Di keheningan malam sepi
Duduk seorang merenung diri
Melihat kebesaran Ilahi
Terasa betapa kerdilnya diri

Ya-Allah Rabbul Iz'ati
Berikanlah kekuatan diri
Bantulah diri ini
Menghadapi ranjau kehidupan kini

Seringku terasa diri ini berdosa
Tewas dalam melawan nafsu
Pabila keinsafan menjalar dijiwa
terbina semula keazaman di hatiku

Ya-Ilahi sesungguhnya hidup ini
Hanyalah dibawah kudrat Mu
Ku tahu hidup ini sementara
Kematian pasti menjemputku

Dari itu redhailah perjuanganku
Dalam memburu matlamat yang satu
Bertemu Mu jua yang pasti
Syurga adalah idaman hati.....

Rasullullah S.A.W bersabda:

"Apabila mati seorang anak Adam maka terputuslah segala amalannya
melainkan tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya."

Tingkatkan Bekalan Akhirat Dengan Menyumbang Kepada

SKIM SAHAM WAKAF SELANGOR

Peluang anda untuk berwakaf melalui wang tunai dengan kadar minimum RM10 (seunit)
Sumbangan anda membangunkan sosio-ekonomi ummah.

Kaunter Penerangan Dan Penyertaan:

- * Bahagian Baitulmal
- * Pejabat Agama Islam Daerah Seluruh Negeri Selangor
- * Penyertaan melalui bendahari-bendahari masjid yang dilantik sebagai Agen Kutipan.
- * Penyertaan melalui pos
- * Penyertaan melalui Skim Potongan Gaji.

Untuk keterangan lanjut hubungi:

Unit Pengurusan Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor,
Ara 2, Kompleks MAIS, Persimpangan Jalan Meru/Kaper, 41060 Klang, Selangor D.E
No. Tel : 03-3344 7112, 3344 7151, 3344 0477 No. Fax : 03-3344 7108